

Piala Thomas '67 jasa abadi Pak Khir

UM - 20/11/2006

KUALA LUMPUR - Allahyarham Tan Sri Mohamed Khir Johari yang meninggal dunia pada usia 83 tahun akibat sakit jantung di kediamannya di sini, semalam, menepuh karier kepimpinan sukan yang penuh warna-warni sepanjang empat dekad lalu.

Ketua Kontinjen Negara ke Sukan SEA dan Sukan Komanwel, pernah digelar Bapa Sepak Takraw Dunia selain menerajui persatuan sepak takraw, badminton, tenis ringan dan bina badan kebangsaan merupakan antara jawatan yang pernah dipegang dan dijalankannya dengan cemerlang.

Mesra dipanggil Pak Khir, Allahyarham juga dikenali sebagai seorang pemimpin sukan yang gemar menjadi perintis sesuatu pencapaian seperti memasukkan sepak takraw sebagai acara pertandingan Sukan SEA sejak 1960-an dan Sukan Asia mulai 1990.

Kemuncak kariernya sebagai pemimpin sukan ialah ketika menerajui Persatuan Badminton Malaysia (BAM) yang membawa skuad negara merampas semula Piala Thomas daripada Indonesia di Jakarta pada 1967.

Ia akan sentiasa dikenang dalam sejarah sukan negara kerana mereka menghadapi cabaran getir bukan sahaja daripada lawan bahkan ribuan penyokong fanatik tuan rumah yang tidak berpuas hati dengan kebangkitan Malaysia dan cuba mencetuskan kekecohan.

Antara pemain handalan negara ketika itu ialah Tan Yee Khan yang mengakui, tidak dapat melupakan bagaimana Pak Khir tampil menjadi penyokong kuat pasukan dalam bermain bermati-matian di gelanggang lawan sehingga detik mereka terperangkap di stadium akibat sikap penonton.

"Bayangkan bagaimana perasaan kami apabila berada dan bermain di tempat

lawan dan dengan suasana penyokong mereka. Tapi, kehadiran beliau membawa semacam semangat baru untuk kami meneruskan perjuangan," katanya kepada *Utusan Malaysia*, semalam.

Disiplin

Sekalipun disifatkan mudah mesra di kalangan atlet dan pegawai sukan, ketegasan Allahyarham dalam soal disiplin tetap diiktiraf apabila dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa Siasatan Khas bagi menangani kes lapan penembak yang dihantar pulang daripada Sukan SEA Manila 1981.

Pak Khir kemudian diamanahkan memimpin kontinjen negara ke Sukan SEA ke-18 di Chiangmai 1995 dan menurut bekas Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN), Datuk Mazlan Ahmad, Allahyarham pernah memikul tugas yang sama ke Sukan Komanwel Edinburgh 1986.

"Seingat saya, tugas itu bagaimanapun tidak dapat ditunaikan kerana Malaysia memulaukan temasya tersebut kerana soal apartheid," katanya yang mengenali Allahyarham sebagai tokoh yang sentiasa menganggap sebarang masalah mampu diatasi dengan mudah.

Bagi Setiausaha Agung Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Datuk Sieh Kok Chi, Pak Khir juga tidak pernah lupa untuk menghadiri apa juga mesyuarat sepanjang tempoh perkhidmatannya sebagai Timbalan Presi-

den. "Sukar melihatnya memarahi atau mengkritik orang sekalipun dia pernah kecewa dengan sepak takraw," katanya.

Sejarah pembabitan sukan

- 1960-1985: Presiden Persatuan Badminton Malaysia (BAM)
- 1961-1981: Presiden Persatuan Sepak Raga Jaring Se-Malaysia
- 28 Mei 1980: Ahli Majlis Persekutuan Badminton Antarabangsa (IBF)
- Februari 1982: Pengerusi Jawatankuasa Siasatan Sukan SEA Manila 1981
- 1982-2002: Naib Presiden dan Timbalan Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM) Penaung Persatuan Lawn Tennis Malaysia (LTAM) dan Persatuan Karate Malaysia (Makaf)
- 1985-Jun 1993: Presiden Persatuan Sepak Takraw Malaysia (PSM)
- Disember 1987: Timbalan Presiden Persekutuan Sepak Takraw Asia (ASTAF)
- 1986-1 September 1989: Presiden Persekutuan Bina Badan Malaysia (MBBF)
- 1992: Timbalan Presiden Persekutuan Sepak Takraw Antarabangsa (ISTAF)
- 4 September 1993: Presiden Persatuan Tenis Ringan Malaysia (STAM)
- Disember 1995: Ketua Kontinjen Sukan SEA Chiang Mai Thailand
- 10 April 2002: Presiden Kehormat ASTAF